



13 JAN, 2025

## 10Star Cinemas sasar 3 pawagam komuniti di Lembah Klang

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# 10Star Cinemas sasar 3 pawagam komuniti di Lembah Klang

**Konsep baharu diperkenalkan mampu tarik lebih ramai penonton terutama dari luar bandar**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

10Star Cinemas Sdn Bhd, anak syarikat MAA Group Bhd berancang untuk mengembangkan kehadiran ke Semenanjung Malaysia dengan menyasar untuk membuka tiga pawagam komuniti di Lembah Klang tahun ini.

Buat masa ini, 10Star Cinemas mengendalikan sejumlah enam pawagam dengan semuanya terletak di Sabah.

Ketua Pegawai Eksekutif

10Star Cinemas, Onn Norshal Hamzah, berkata pada tahun ini syarikat berancang untuk membuka sekurang-kurangnya lima pawagam termasuk tiga di Lembah Klang dan selebihnya adalah di Sabah.

Katanya, konsep baharu yang diperkenalkan syarikat itu iaitu pawagam komuniti ternyata membuahkan hasil apabila berjaya menarik ramai penonton terutama dari luar bandar untuk datang ke pawagam mereka.

"Menerusi konsep ini, semua pawagam kami dibuka di bangunan lot kedai berhampiran kawasan perumahan dan bukannya di pusat beli-belah menjadi kebiasaan sekarang.

"Kami menumpukan pada kawasan berpotensi di luar bandar yang tiada persaingan, iaitu ketiadaan pawagam berhampiran. Ternyata langkah ini



Onn Norshal Hamzah

semanginya berjaya dan menarik ramai penonton.

"Sejak pembukaan pawagam pertama pada 2021, kami dapat menjual lebih 500,000 tiket sehingga kini," katanya kepada BHL.

10Star Cinemas kini mengendalikan enam pawagam komuniti di Sabah iaitu masing-masing dua di Tawau dan Sandakan dan satu di Papar serta Kota Marudu.

### Setanding pawagam lain

Ditanya mengapa memilih untuk membuka pawagam di bangunan lot kedai, Onn Norshal berkata ia bukan sesuatu yang baharu di luar negara, malah ada yang berjaya.

"Biarpun pawagam ini terletak di bangunan lot kedai, namun kualitinya setanding dengan pawagam lain dari segi pengalaman tontonannya. Kami meng-

gunakan teknologi terkini termasuk projektor laser terkini dan sistem bunyi digital canggih.

"Malah, rata-rata penonton lebih suka untuk menonton di pawagam kami kerana lokasinya yang strategik kerana terletak berhampiran dengan ruang parkir kereta berbanding jika di pusat beli-belah.

"Malah, pembukaan pawagam komuniti ini turut membantu menghidupkan kawasan lot kedai terbabit apabila menarik penyewa lain untuk beroperasi di sini termasuk bank," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak berhasrat untuk menjadi pesaing

kepada pengendali pawagam lain, tetapi sebaliknya mahu sama-sama membantu menaikkan industri berkenaan.

"Kerana itu kami buka pawagam di lokasi yang jauh daripada pesaing kami supaya tidak bersaing dengan pasaran yang sama.

"Kami melabur antara RM5 juta hingga RM6 juta untuk membuka pawagam komuniti mengandungi enam dewan tayangan yang boleh memuatkan antara 450 hingga 500 kerusi.

"Ini biasanya membabitkan lapan blok bangunan tingkat bawah yang kami sewa daripada pemaju," katanya.





13 JAN, 2025

## 10Star Cinemas sasar 3 pawagam komuniti di Lembah Klang

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Konsep baharu diperkenalkan mampu tarik lebih ramai penonton terutama dari luar bandar

10Star Cinemas Sdn Bhd, anak syarikat MAA Group Bhd bercadang untuk mengembangkan kehadiran ke Semenanjung Malaysia dengan menyasar untuk membuka tiga pawagam komuniti di Lembah Klang tahun ini. Buat masa ini, 10Star Cinemas mengendalikan sejumlah enam pawagam dengan semuanya terketak di Sabah.